

# Kebajikan jangka panjang mampu tarik sokongan rakyat

KUALA LUMPUR 5 Mac - Barisan Nasional (BN) akan terus mendapat sokongan daripada rakyat sekiranya kebijakan awam sentiasa diteliti dalam jangka panjang, sekali gus memberi peluang kepada BN untuk meraih kemenangan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 akan datang.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah) Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Dr. Jayum Anak Ja-

wan berkata, momentum sokongan rakyat terhadap kerajaan diukur berdasarkan kewibawaan pentadbiran dalam mengurus hal ekonomi, politik serta sosial.

"Rakyat akan terus menanam kepercayaan kepada BN sekiranya kestabilan ekonomi, politik dan sosial terjamin.

"Pemberian wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan baucar pendidikan kepada rakyat merupakan inisiatif jangka pendek

dan kerajaan perlu menawarkan 'pakej jangka panjang yang bersifat komprehensif' untuk terus mendapatkan sokongan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pandangan Tun Daim Zainuddin dalam *Mingguan Malaysia* bahawa BN memiliki kelebihan berbanding parti pembangkang untuk meraih undi pada pilihan raya umum akan

datang.

Sementara itu, Yang Dipertua Pertubuhan Kesejahteraan Ummah, Datuk Akbar Ali berkata, sokongan terhadap BN boleh diteruskan sekiranya kerajaan mengamalkan pentadbiran secara tulus.

"Rakyat melihat dan mengetahui semua permainan kotor pihak pembangkang, maka BN perlu menunjukkan perjalanan pentadbiran yang bersih bagi me-

nguatkan lagi kepercayaan rakyat.

"Yang paling penting, kerajaan perlu memahami setiap keperluan rakyat, terutamanya terhadap golongan belia di mana mereka mewakili 41 peratus daripada jumlah pengundi," ujarnya.

Jelas Akbar lagi, konflik dalaman yang melanda pihak pembangkang kini jelas menunjukkan rakyat perlu memilih BN untuk masa depan yang terjamin.